

13 JAN 2001
Khalil-perpaduan
KHALIL SUDAH HUBUNGI NASHARUDIN

KUALA LUMPUR, 13 Jan (Bernama) -- Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob berkata beliau dan rakan sejawatannya dari Pas, Nasharudin Mat Isa sudah mencapai persetujuan untuk mengadakan mesyuarat rasmi mengenai logistik dan format perbincangan perpaduan Melayu melibatkan kedua-dua parti.

Beliau berkata Nasharudin menyatakan persetujuan agar mesyuarat itu diadakan secepat mungkin.

"Saya boleh sahkan yang saya dah buat perhubungan awal dengan pihak setiausaha agung Pas...boleh kita kata dalam bentuk lisan," katanya pada sidang media selepas menghadiri sambutan Hari Raya Kementerian Penerangan di Angkasapuri hari ini.

Khalil yang juga Menteri Penerangan bagaimanapun enggan mengulas lanjut sama ada perhubungan awal itu melalui telefon atau pertemuan empat mata.

Beliau berkata mesyuarat rasmi itu akan membincangkan mengenai tarikh, masa, tempat dan format perbincangan perpaduan Melayu sama ada membabitkan presiden sahaja atau delegasi.

"Lepas mesyuarat itu saya akan laporkan balik kepada Biro Politik Umno yang dipengerusikan oleh Presiden parti (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad)," katanya.

Khalil berkata beliau berharap akan dapat menyediakan kemudahan logistik dan prasarana yang terbaik bagi memastikan perbincangan perpaduan Melayu dapat diadakan dengan secara muhibah dan sebaiknya.

Dr Mahathir dalam surat bertarikh 2 Jan lepas telah mempelawa Pas dan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) menyertai perbincangan perpaduan Melayu kerana berpendapat perpecahan yang berlaku sekarang terlalu ketara sehingga ia mempunyai kesan tidak baik bagi seluruh negara. Keadilan bagaimanapun menolak pelawaan itu.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang juga Timbalan Presiden Umno pula berkata bahawa apabila Dr Mahathir dan presiden Pas Datuk Fadzil Noor) berjumpa, mereka boleh tentukan apa yang sebaik-baiknya untuk mengukuhkan perpaduan Melayu serta pendekatan yang layak diambil.

"Bila pemimpin berjumpa, macam-macam boleh diputuskan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri jamuan Aidilfitri Kementerian Dalam Negeri di sini hari ini.

Abdullah, yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, kementerian itu yang masih berada di kompleks kerajaan di Jalan Datuk Onn di sini akan berpindah ke pusat pentadbiran kerajaan di Putrajaya pada Mac ini.

-- BERNAMA
NY APG AZZ MAI